

Events ... (Conferences, Meetings, Trainings & Workshops)

Program Jom Riadah 2022 : Kerachut-Green Trekking oleh Muhammad Usamah Mohd Ridzuan & Nazima Versay Kudus

Pada 14 September 2022, seramai 24 orang pensyarah telah menyertai Program Jom Riadah 2022: Kerachut-Green Trekking di Taman Negara Pulau Pinang, Teluk Bahang anjuran Jabatan Sains, Komputer dan Matematik (JSKM), UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP). Program ini disertai oleh para pensyarah dari Akademi Pengajian Bahasa (APB), Jabatan Sains dan Gunaan (JSG) dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS). APB diwakili oleh Prof. Madya Dr. Rofiza Aboo Bakar, Pn. Nazima Versay Kudus, En. Noor Azli Affendy Lee dan En. Muhammad Usamah Mohd Ridzuan. Antara objektif-objektif program tersebut adalah memberi kesedaran tentang pemeliharaan dan pemuliharaan alam semulajadi, melahirkan kakitangan UiTM yang proaktif dan mempunyai daya ketahanan fizikal dan mental yang tinggi, dan menjalankan hubungan dan semangat kekitaan sesama ahli dari keempat-empat jabatan.



Aktiviti merentas hutan

Sesampainya di lokasi, para peserta mendaftar diri di pejabat Taman Negara Pulau Pinang. Aktiviti *trekking* bermula pada pukul 10.00 pagi. Kami memilih untuk merentasi hutan dengan menggunakan laluan ke Pantai Kerachut. Perjalanan yang mengambil masa selama dua jam itu kadangkala sukar tetapi menjadi mudah dan seronok dengan galakan dan bantuan rakan-rakan sambil diselangi gelak ketawa. Kami juga terserempak dengan pengunjung-pengunjung lain yang rata-ratanya merupakan pelancong dari luar negara. Setibanya di Pantai Kerachut, kami makan tengahari berbekalkan pek makanan yang disediakan oleh penganjur. Pihak penganjur memastikan kebersihan tempat terpelihara dengan membekalkan beg plastik untuk kami meletakkan sisa makanan, botol plastik dan sampah lain. Seurus selepas itu, tazkirah ringkas telah diberikan oleh Dr. Muhamad Anas Ibrahim, seorang pensyarah ACIS yang baru sahaja berpindah ke UiTM Cawangan Pulau Pinang daripada UiTM Cawangan Terengganu. Antara intipati tazkirah tersebut adalah mensyukuri nikmat alam yang diberikan oleh Allah S.W.T. dan peri penting menjaganya. Aktiviti kami diakhiri dengan lawatan ke Pusat Konservasi Penyu di pantai tersebut. Dengan bantuan pegawai yang bertugas, kami diterangkan mengenai spesis-spesis penyu yang terdapat di situ dan proses pemuliharaannya. Kami kemudian menaiki bot pada pukul 2.00 petang untuk perjalanan pulang ke pintu masuk Taman Negara Pulau Pinang.

Aktiviti separuh hari yang dijalankan ini telah mengeratkan silaturahim antara para pensyarah dari jabatan yang berlainan. Semoga program sebegini dapat dilazimkan pada masa-masa akan datang.



Para peserta bergambar sebelum aktiviti merentas hutan



Peserta-peserta dari APB di hadapan Pusat Konservasi Penyu



Para peserta berhenti seketika sewaktu merentas hutan untuk menikmati keindahan alam